

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH KEDOKTORAN) 2017**

SUSUNAN KAEDAH

**BAHAGIAN 1
PERMULAAN**

Kaedah

1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN**

3. Program Pengajian
4. **Kemasukan ke Program Pengajian Universiti**

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

5. Pendaftaran sebagai Calon

**BAHAGIAN IV
BAYARAN**

6. Yuran dan Bayaran Lain
7. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain
8. **Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain**
9. **Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain**

**BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

10. Tempoh Program Pengajian
11. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum
12. **Penggantungan Program Pengajian Calon**

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

13. Struktur Program secara Penyelidikan dan Mod Campuran
14. Struktur Program secara Kerja Kursus
15. Struktur Program secara Kerja Kursus Klinikal

BAHAGIAN VII
SYARAT BAHASA

16. Syarat Bahasa Malaysia
17. Syarat Bahasa Inggeris

BAHAGIAN VIII
PEPERIKSAAN

18. Peperiksaan

BAHAGIAN IX
PENGIJAZAHAN

19. Syarat Pengijazahan

BAHAGIAN X
AM

20. Kemasukan Pelajar Pemerhati
21. Penamatan Pencalonan
22. Kuasa Senat Membuat Peraturan
23. Pengecualian Pemakaian
24. Pematuhan Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti
25. Pembatalan

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH KEDOKTORAN) 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh **subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010]**, Lembaga Pengarah Universiti membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I **PERMULAAN**

Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

1. (1) Kaedah-Kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (**Ijazah Kedoktoran) 2017** dan hendaklah berkuatkuasa mulai Sesi Akademik **2017/2018**.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua calon program pengajian **Ijazah Kedoktoran** yang diterima masuk sebelum dan pada Sesi Akademik **2017/2018** dan **seterusnya**.
- (3) Walau apa pun yang diperuntukan dibawah Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Ijazah Kedoktoran, kaedah pelaksanaan Ijazah Kedoktoran yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

Tafsiran

2. Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:
 - "Bursar" ertinya, seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;
 - "bilik peperiksaan" ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;
 - "bukan warganegara" ertinya bukan warganegara Malaysia termasuk yang berstatus pemastautin tetap;
 - "calon" ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani program pengajian **Ijazah Kedoktoran**;
 - "Dekan Fakulti" ertinya Dekan Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Pengarah atau Ketua Akademi, Pusat, Sekolah atau Institut yang dilantik di bawah subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan;

“disertasi” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Kerja Kursus Klinikal;

"Fakulti" ertinya mana-mana Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) Perlembagaan;

“Guru” ertinya seorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, fellow, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah dan guru bahasa;

“Ijazah” ertinya Ijazah Kedoktoran Universiti;

"Jabatan" ertinya mana-mana jabatan pengajian Fakulti dan termasuk mana-mana bahagian pengajian Fakulti;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan calon dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau Peraturan-Peraturan yang berkenaan;

“Keperluan dan Syarat” ertinya Keperluan dan Syarat Khas bagi Program Ijazah Kedoktoran Universiti Malaya yang perlu dibaca bersama dengan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2017 dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2017;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang calon bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan;

“kredit dengan gred” bermakna pemindahan kredit bersama-sama gred bagi kursus daripada tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk calon yang masih dalam pengajian;

“kredit tanpa gred” bermakna pemindahan kredit tanpa gred bagi kursus dari tahap kelayakan yang rendah (*vertical*) dan/atau dari tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk calon yang telah tamat pengajian atau tidak menyempurnakan pengajian (tidak termasuk calon yang ditamatkan daripada program pengajian) tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon;

“kredit kira” ertinya sesuatu kredit yang diperolehi oleh seseorang calon bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK;

“Ketua Jabatan” ertinya Ketua mana-mana Jabatan pengajian Fakulti termasuk Pengerusi mana-mana bahagian pengajian Fakulti atau Penyelaras Program di mana berkenaan;

"kursus" ertinya satu unit pengajian, latihan atau latihan klinikal yang dijalankan

sepanjang satu tempoh yang ditetapkan **biasanya dalam satu semester, yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;**

"Naib Canselor" ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

"nilai kredit" ertinya pengiraan sistem kredit yang digunakan berdasarkan beban sebenar jam pengajaran calon yang meliputi semua jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan;

"Pemeriksa Dalam" ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus, sebahagian daripada kursus itu atau tesis atau disertasi calon;

"Pemeriksa Luar" ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Senat atau Fakulti untuk memeriksa kursus itu atau tesis atau disertasi calon;

"Penilai Luar Program" ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Universiti untuk satu atau lebih program pengajian ijazah;

"Pendaftar" ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah **seksyen 14** Perlembagaan;

"Pengawas" ertinya pengawas dan termasuk ketua pengawas yang dilantik oleh Naib Canselor daripada kalangan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti untuk mengawas peperiksaan program pengajian Ijazah;

"pengecualian kursus" bermakna pengecualian daripada mendaftar dan mengikuti sesuatu kursus yang diberikan kepada seseorang calon berdasarkan kepada kesetaraan kandungan kursus yang dipohon dengan pembuktian pengetahuan dan kemahiran calon;

"Penyelia" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan **guru sepenuh masa** Universiti dan termasuk Profesor Emeritus Universiti, Profesor Adjung Universiti, **pensyarah pelawat**, penyelidik pasca-doktoral atau fellow penyelidik untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"Penyelia Bersama" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa dari universiti lain di mana khidmat seliaannya diperlukan untuk membantu calon menyempurnakan program pengajian;

"Perlembagaan" **Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444];**

"Perunding" ertinya seseorang yang bukan guru dari mana-mana universiti atau seseorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan yang dilantik oleh Fakulti untuk membantu dalam penyeliaan calon dalam program pengajiannya;

"PNG" ertinya Purata Nilai Gred yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester;

"PNGK" ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah diambil mulai semester pertama sehingga semester terkini;

"program pengajian" ertinya kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan serta gabungan kursus, atau latihan dan penyelidikan, yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk anugerah ijazah;

"program pengajian secara Penyelidikan" ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(a);

"program pengajian secara Mod Campuran" ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(b);

"program pengajian secara Kerja Kursus" ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(c);

"program pengajian secara Kerja Kursus Klinik" ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(d);

"semester" ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi akademik dan terdiri daripada semester biasa dan semester khas;

"Semester Biasa" ertinya Semester I atau Semester II seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual Semester;

"Semester Khas" ertinya semester yang tempohnya lebih pendek daripada Semester Biasa dan diadakan selepas Semester II;

"Senat" ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 22(1) Perlembagaan;

"Sesi Akademik" ertinya tempoh pengajian sesuatu program pengajian yang terdiri daripada dua (2) semester biasa dan semester khas yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

"tahun akademik" ertinya tempoh 12 bulan yang tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Universiti;

"Tahun Kalendar" ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah 12 bulan;

"tempat pengajian" ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

"tesis" ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran secara Penyelidikan dan Mod Campuran;

"Timbalan Dekan Ijazah Tinggi" ertinya Timbalan Dekan dan termasuk mana-mana Timbalan Pengarah yang dilantik oleh Universiti serta bertanggungjawab bagi urusan program ijazah tinggi di Akademik, Pusat, Sekolah atau Institut;

"Universiti" ertinya Universiti Malaya;

“warganegara” ertinya warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II **PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN**

Program Pengajian

3. (1) Program pengajian hendaklah diklasifikasikan seperti berikut:
 - (a) Program **Kedoktoran** secara Penyelidikan, iaitu program pengajian yang dilaksanakan secara penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penghasilan tesis;
 - (b) Program **Kedoktoran secara Mod Campuran**, iaitu program pengajian yang dilaksanakan secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan melainkan kebenaran bertulis telah diperoleh terlebih dahulu, calon hendaklah menjalankan penyelidikan setelah ia berjaya menyempurnakan semua perkuliahan yang ditetapkan dalam kurikulum program pengajian yang membawa kepada penghasilan tesis;
 - (c) **Program Kedoktoran secara Kerja Kursus**, iaitu program pengajian yang dilaksanakan secara perkuliahan sepenuhnya yang melibatkan penghasilan disertasi; dan
 - (d) **Program Kedoktoran secara Kerja Kursus Klinikal** iaitu program pengajian secara klinikal yang melibatkan penghasilan disertasi.
- (2) Berdasarkan mod pengajian yang dinyatakan di dalam subkaedah di atas, tempoh lazim bagi pengajian sepenuh masa adalah tiga (3) tahun.

Kemasukan ke Program Pengajian Universiti

4. (1) Setiap calon yang ingin mengikuti program pengajian kedoktoran hendaklah memenuhi syarat am seperti berikut:
 - (a) memperolehi Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Senat atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengan Ijazah Sarjana yang diterima oleh Senat;
 - (b) memenuhi keperluan dan syarat khas bagi program kedoktoran Universiti Malaya seperti mana ditetapkan di dalam Jadual 1 kepada Kaedah-Kaedah ini;
 - (c) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;
 - (d) disahkan oleh Doktor/Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit atau apa-apa kecacatan anggota yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan
 - (e) membayar yuran tertentu.
- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan calon adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Fakulti yang berkenaan serta memenuhi

subkaedah (1) (c), (d) dan (e) di atas.

- (3) Kemasukan bagi program pengajian kebiasaannya adalah pada permulaan Semester I atau Semester II setiap sesi akademik dan tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu semester dan sesi tertentu.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

Pendaftaran sebagai Calon

5. (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2017.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3), sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) adalah pelajar Universiti dan digelar calon program pengajian Ijazah. Nama calon tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga calon berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan calon tersebut layak dianugerahkan Ijazah atau sehingga atas sebab tertentu calon tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti mengikut yang mana terdahulu.
- (3) Setiap calon yang telah mendaftar untuk program pengajian yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti.
- (4) Mana-mana calon yang gagal mendaftar secara berterusan bagi tempoh tiga (3) Semester Biasa dengan Universiti akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) dan tertakluk kepada subkaedah (3), Senat boleh menggunakan budi bicaranya untuk menamatkan pendaftaran mana-mana calon pada bila-bila masa sekiranya Senat berpendapat calon tersebut tidak mampu meneruskan program pengajiannya. Nama calon tersebut hendaklah digugurkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan calon tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (5) ini adalah muktamad.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

Yuran dan Bayaran Lain

6. Calon hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2017.

Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain

7. Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada calon.

Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

8. Calon hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

9. Kegagalan seseorang calon menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan pelajar berkenaan dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkenaan dan mendaftar kursus pada semester berikutnya atau statusnya sebagai pelajar Universiti ditamatkan.

BAHAGIAN V **TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

Tempoh Program Pengajian

10. Calon hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum

11. (1) Tempoh minimum dan maksimum bagi program pengajian Ijazah Kedoktoran adalah berdasarkan di Jadual 2 kepada Kaedah-Kaedah ini.
(2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dalam keadaan tertentu Dekan Institut Pengajian Siswazah atau pegawai lain seperti mana yang ditetapkan oleh Universiti boleh melanjutkan tempoh pencalonan yang melampaui tempoh maksimum seperti mana yang ditetapkan dalam subkaedah (1) dengan syarat bahawa pelanjutan berkenaan tidak melebihi tempoh dua (2) semester.

Penggantungan Program Pengajian Calon

12. Tempoh penggantungan program calon yang dikenakan hukuman dibawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak boleh diambil kira dalam tempoh maksimum program pengajian.

BAHAGIAN VI **STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

Struktur Program secara Penyelidikan dan Mod Campuran

13. (1) Bagi program pengajian secara Penyelidikan, calon dikehendaki menjalankan penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penghasilan tesis. Walau bagaimanapun calon boleh disyaratkan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti atau Fakulti yang berkenaan.

- (2) Bagi program pengajian **secara Mod Campuran** calon dikehendaki mengikuti program tersebut berdasarkan struktur program pengajian seperti mana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.
- (3) **Penilai Luar Program** bagi setiap program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Senat yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan.

Struktur Program secara Kerja Kursus

14. Bagi program pengajian secara Kerja Kursus, calon dikehendaki mengikuti program pengajian secara perkuliahan sepenuhnya yang melibatkan penghasilan disertasi.

Struktur Program secara Kerja Kursus Klinikal

15. Bagi program pengajian secara Kerja Kursus Klinikal, calon dikehendaki mengikuti program pengajian secara Kerja Kursus Klinikal sepenuhnya yang melibatkan penghasilan disertasi.

BAHAGIAN VII **SYARAT BAHASA**

Syarat Bahasa Malaysia

16. (1) Calon warganegara **sebelum dianugerahkan ijazahnya** dikehendaki memperoleh sekurang-kurangnya:
 - (a) Gred lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
 - (b) Peringkat III Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu;
 - (c) Peringkat III Sijil Intensif Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti atau di peringkat setaraf;
 - (d) Gred lulus kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh Universiti; atau
 - (e) Lulus penilaian pengecualian Bahasa Malaysia yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Calon bukan warganegara dikehendaki menghadiri dengan memuaskan suatu kursus Bahasa Malaysia yang dikendalikan oleh Universiti sebelum dianugerahkan ijazahnya melainkan ia memperoleh sekurang-kurangnya:
 - (a) Gred lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
 - (b) Peringkat III Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu;

- (c) Peringkat III Sijil Intensif Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti atau di peringkat setaraf;
 - (d) Gred lulus kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh Universiti; atau
 - (e) Lulus penilaian pengecualian Bahasa Malaysia yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun yang diperuntukkan oleh subkaedah (1) dan (2) keperluan syarat Bahasa Malaysia adalah dikecualikan bagi calon yang telah mengikuti pengajian dan telah memperolehi ijazah dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dan Swasta yang mana bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa kebangsaan.

Syarat Bahasa Inggeris

17. (1) Pemohon bukan warganegara yang memperoleh ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis tesis atau disertasi dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki:
- (a) memperoleh skor minimum sebanyak 550 untuk jumlah berasaskan kertas (PBT), skor sebanyak 213 bagi jumlah berasaskan komputer (CBT) atau skor sebanyak 80 bagi jumlah berasaskan internet (IBT) bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL);
 - (b) memperoleh skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*);
 - (c) skor mengikut standard program masing-masing jika lebih tinggi dari (a) dan (b); atau
 - (d) bagi mana-mana standard program yang menyatakan skor *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL) atau *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*) yang lebih rendah daripada skor minimum Universiti, program-program tersebut hendaklah mengikut skor minimum yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Walau apapun yang diperuntukkan dalam subkaedah (1) tertakluk kepada kelulusan Senat dan berdasarkan keperluan program kedoktoran, Fakulti boleh:
- (a) mengenakan skor kecekapan Bahasa Inggeris yang lebih tinggi mengikut yang ditetapkan oleh standard program masing-masing bagi semua pemohon bukan warganegara program kedoktoran;
 - (b) mempertimbangkan kursus penguasaan Bahasa Inggeris selain yang dinyatakan di dalam subkaedah (1) di atas bagi pemohon bukan warganegara program kedoktoran berkenaan.
- (3) Pemohon bukan warganegara yang mengikuti program pengajian dan/atau menulis tesis atau disertasi dalam bahasa selain Bahasa Inggeris iaitu

Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab yang berkaitan dengan bidang penyelidikannya sebelum pengijazahan dikehendaki:

- (a) memperoleh skor minimum 500 atau skor mengikut standard program masing-masing, bagi *Test of English as Foreign Language* (TOEFL); atau
- (b) memperoleh sekurang-kurangnya band 5.0 atau band mengikut standard program masing-masing bagi *International English Language Testing System* (IELTS)(*Academic*).

BAHAGIAN VIII **PEPERIKSAAN**

Peperiksaan

- 18. Peperiksaan hendaklah diadakan bagi program pengajian seperti berikut tertakluk kepada peraturan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) 2017:
 - (1) Penyelidikan;
 - (2) Mod Campuran;
 - (3) Kerja Kursus; dan
 - (4) Kerja Kursus Klinikal.

BAHAGIAN IX **PENGIJAZAHAN**

Syarat Pengijazahan

- 19. (1) Calon boleh dianugerahkan ijazah yang berkenaan tertakluk kepada ia telah:
 - (a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - (b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk dianugerahkan Ijazah dan diluluskan oleh Senat;
 - (c) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa; dan
 - (d) membayar semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Walau apapun keputusan berhubung dengan pengijazahan seseorang calon, Universiti berhak untuk melucut penganugerahan ijazah seseorang calon jika Universiti berpuas hati bahawa calon tersebut telah terbukti melakukan perkara berikut:
 - (a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan pengijazahan; atau

- (b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan ijazahnya.

BAHAGIAN X **AM**

Kemasukan Pelajar Pemerhati

20. (1) Pelajar Pemerhati ialah calon daripada luar Universiti yang diluluskan untuk mengikuti mana-mana kursus yang ditawarkan bagi program pengajian ijazah, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah pelajar program pengajian Universiti.
- (2) Kemasukan pelajar pemerhati hendaklah atas budi bicara Dekan Fakulti.

Penamatan Pencalonan

21. Senat berhak menamatkan pencalonan seseorang calon yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

Kuasa Senat Membuat Peraturan

22. Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Pengecualian Pemakaian

23. Walau apapun dinyatakan di bawah Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Pematuhan Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

24. Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, semua Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Pembatalan

25. Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Doktor Falsafah) 2007, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Doktor Kesihatan Awam) 2008, Doktor Perubatan Akta VII Bahagian 2, dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 28 Ogos 2017.

Profesor Tan Sri Dato' Sri Dr. Zakri Abdul Hamid
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH KEDOKTORAN) 2017**

**JADUAL 1
(Kaedah 4)**

PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KHAS KEMASUKAN

1. Program pengajian dan syarat khas kemasukan bagi **Program Doktor Falsafah** adalah seperti berikut-

(1) Program Pengajian

Program Doktor Falsafah ini dilakukan melalui kursus (kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik, kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, makmal komputer, *internship*, penyelidikan dan penyediaan tesis) dan menghasilkan sebuah tesis.

(2) Syarat Kemasukan

- (a) Syarat kemasukan untuk mengikuti program Doktor Falsafah secara Penyelidikan – [Kaedah 3 (1)] adalah seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana secara Penyelidikan;
- (ii) Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dengan PNGK tidak kurang daripada 3.7;
- (iii) Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dengan PNGK 2.0 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK tidak kurang daripada 3.00; atau
- (iv) Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dengan PNGK 2.0 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 2.5 hingga 2.99 serta memenuhi sekurang-kurangnya satu kriteria berikut:
 - A. mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan;
 - B. menghasilkan penerbitan dalam bidang yang berkaitan;
 - C. adalah penerima biasiswa;
 - D. merupakan graduan Universiti Malaya; atau
 - E. merupakan kakitangan agensi kerajaan.

- (b) Kelayakan Bahasa Inggeris adalah berdasarkan kategori pemohon seperti berikut:

- (i) Pemohon bukan warganegara yang memperolehi ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan yang ingin mengikuti program pengajian

ijazah dan/atau menulis tesisnya dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki seperti berikut:

- A. memperolehi skor minimum sebanyak 550 untuk jumlah berasaskan kertas (PBT), skor sebanyak 213 bagi jumlah berasaskan computer (CBT) atau skor sebanyak 80 bagi jumlah berasaskan internet (IBT) bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); atau
- B. bagi *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*) memperolehi skor minimum band 5.5;
- C. skor mengikut standard program masing-masing jika lebih tinggi dari (A) dan (B); atau
- D. bagi mana-mana standard program yang menyatakan skor *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL) atau *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*) yang lebih rendah daripada skor minimum Universiti, program-program tersebut hendaklah mengikut skor minimum yang telah ditetapkan oleh Universiti.

(ii) Pemohon bukan warganegara yang mengikuti program pengajian dan/atau menulis tesis atau disertasi dalam bahasa selain Bahasa Inggeris iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab yang berkaitan dengan bidang penyelidikannya sebelum pengijazahan dikehendaki:

- A. memperoleh skor minimum 500 atau skor mengikut standard program masing-masing, bagi *Test of English as Foreign Language* (TOEFL); atau
- B. memperoleh sekurang-kurangnya band 5.0 atau band mengikut standard program masing-masing bagi *International English Language Testing System* (IELTS)(*Academic*).

Dalam keadaan tertentu atas perakuan Fakulti, Senat boleh menerima masuk seseorang pemohon yang tidak memenuhi syarat (A) dan (B) di atas. Walau bagaimanapun, pemohon hendaklah memenuhi syarat tersebut sebelum dianugerahkan ijazah.

(iii) Kemasukan seseorang calon hendaklah atas budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu Dekan Fakulti boleh, atas perakuan Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program ijazah tinggi dan Ketua Jabatan, menerima masuk seseorang yang memenuhi kelayakan seperti di dalam perkara 1(2)(a).

2. Program pengajian dan syarat khas kemasukan bagi **Program Doktor Perubatan** adalah seperti berikut:

(1) Program Pengajian

Program Kedoktoran ini dilakukan melalui kursus (kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik, kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, makmal komputer, internship, penyelidikan dan penyediaan tesis) dan menghasilkan sebuah tesis.

(2) Syarat Kemasukan

(a) Syarat kemasukan untuk mengikuti program Doktor Perubatan secara Penyelidikan – [Kaedah 3 (1)] adalah seperti berikut-

(i) mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) atau kelayakan lain yang setaraf dengannya; dan

(ii) mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman sebagai pengamal perubatan.

(b) Pemohon bukan warganegara yang memperolehi ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis tesisnya dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki seperti berikut:

(i) memperolehi skor minimum sebanyak 600 untuk jumlah berasaskan kertas (PBT), skor sebanyak 250 bagi jumlah berasaskan computer (CBT) atau skor sebanyak 100 bagi jumlah berasaskan internet (IBT) bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); atau

(ii) memperoleh sekurang-kurangnya band 6.0 bagi *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*).

(c) Kemasukan seseorang calon hendaklah atas budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun dalam keadaan-keadaan tertentu Dekan Fakulti boleh, atas perakuan Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program ijazah tinggi dan Ketua Jabatan, menerima masuk seseorang yang memenuhi kelayakan seperti di dalam perkara 2(2)(a).

3. Program pengajian dan syarat kemasukan bagi **Program Doktor Kesihatan Awam** adalah seperti berikut:

(1) Program Pengajian

Program Kedoktoran ini dilakukan melalui kursus (kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik, kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, makmal komputer, *internship*, penyelidikan dan penyediaan tesis) dan menghasilkan sebuah tesis.

(2) Syarat Kemasukan

(a) Syarat kemasukan untuk mengikuti program Doktor Kesihatan Awam secara Mod Campuran–[Kaedah 3 (1)] adalah seperti berikut:

- (i) Kelayakan minimum bagi kemasukan ke program pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam hendaklah seperti berikut:
 - A. Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dengan PNGK tidak kurang daripada 3.0 (atau setara dengannya); atau
 - B. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Kesihatan Awam dengan PNGK tidak kurang daripada 3.0 (atau setara dengannya); dan
 - C. Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan sekurang-kurangnya satu tahun atau untuk satu tempoh yang ditetapkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa.
 - (b) Pemohon bukan warganegara yang memperolehi ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis tesisnya dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki seperti berikut:
 - (i) memperolehi skor minimum sebanyak 600 untuk jumlah berasaskan kertas (PBT), skor sebanyak 250 bagi jumlah berasaskan computer (CBT) atau skor sebanyak 100 bagi jumlah berasaskan internet (IBT) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*; atau
 - (ii) memperoleh sekurang-kurangnya band 6.0 bagi *International English Language Testing System (IELTS) (Academic)*.
4. Program pengajian dan syarat kemasukan bagi **Program Doktor Kesihatan Awam Pergigian** adalah seperti berikut:
- (1) Program Pengajian

Program Kedoktoran ini dilakukan melalui kursus (kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik, kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, makmal komputer, *internship*, penyelidikan dan penyediaan tesis) dan menghasilkan sebuah tesis.
 - (2) Syarat Kemasukan
 - (a) Syarat kemasukan untuk mengikuti program ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian secara Mod Campuran–[Kaedah 3 (1)] adalah seperti berikut:
 - (i) Kelayakan minimum bagi kemasukan ke program pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian adalah Ijazah Sarjana Kesihatan Oral Komuniti, Universiti Malaya dengan kelayakan minimum PNGK 3.0 atau kelayakan lain yang setara dengannya yang diiktiraf oleh Senat.
 - (ii) Pemohon dengan kelayakan Ijazah Sarjana Kesihatan Awam Pergigian selain yang terkandung dalam perenggan (i) di atas, perlu mempunyai kelayakan ijazah Sarjana Muda Pergigian

dan lulus ujian kemasukan, temuduga dan keperluan lain yang ditetapkan oleh Fakulti dari semasa ke semasa.

- (b) Pemohon warganegara yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis tesisnya dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki:
 - (i) memperolehi sekurang-kurangnya band 4 bagi *Malaysian University English Test* (MUET);
 - (ii) memperolehi skor minimum sebanyak 550 (PBT) atau skor mengikut standard program masing-masing untuk jumlah berasaskan kertas, skor sebanyak 213 (CBT) bagi jumlah berasaskan komputer atau skor sebanyak 80 (IBT) bagi jumlah berasaskan internet bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); atau
 - (iii) memperolehi skor minimum band 6.0 atau band mengikut standard program masing-masing bagi *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*).
 - (c) Pemohon bukan warganegara yang memperolehi ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis tesisnya dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki seperti berikut:
 - (i) memperolehi skor minimum sebanyak 550 (PBT) atau skor mengikut standard program masing-masing untuk jumlah berasaskan kertas, skor sebanyak 213 (CBT) bagi jumlah berasaskan komputer atau skor sebanyak 80 (IBT) bagi jumlah berasaskan internet bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); atau
 - (ii) memperolehi skor minimum band 6.0 atau band mengikut standard program masing-masing bagi *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*).
 - (iii) skor mengikut standard program masing-masing jika lebih tinggi dari (i) dan (ii).
5. Program pengajian dan syarat kemasukan bagi **Program Doktor Pengurusan** adalah seperti berikut:
- (1) Program Pengajian

Program Doktor Pengurusan ini dilakukan melalui kursus (kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik, kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, makmal komputer, *internship* dan penyelidikan) dan menghasilkan sebuah disertasi.
 - (2) Syarat Kemasukan
 - (a) Syarat kemasukan untuk mengikuti program Doktor Pengurusan secara Kerja Kursus – [Kaedah 3 (1)] adalah seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana secara Penyelidikan dalam bidang berkaitan pengurusan;
 - (ii) Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dalam bidang berkaitan pengurusan dengan PNGK tidak kurang daripada 3.7;
 - (iii) Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dalam bidang berkaitan pengurusan dengan PNGK 2.0 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK tidak kurang daripada 3.00; atau
 - (iv) Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dalam bidang berkaitan pengurusan dengan PNGK 2.0 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 2.5 hingga 2.99 serta memenuhi sekurang-kurangnya satu kriteria berikut:
 - A. mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan;
 - B. menghasilkan penerbitan dalam bidang yang berkaitan;
 - C. adalah penerima biasiswa;
 - D. merupakan graduan Universiti Malaya; atau
 - E. merupakan kakitangan agensi kerajaan.
- (b) Kelayakan Bahasa Inggeris adalah berdasarkan kategori pemohon seperti berikut:
- (i) Pemohon bukan warganegara yang memperolehi ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis disertasinya dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki mengikut standard programnya.
 - A. memperolehi skor minimum sebanyak 550 (PBT) atau skor mengikut standard program masing-masing untuk jumlah berasaskan kertas, skor sebanyak 213 (CBT) bagi jumlah berasaskan komputer atau skor sebanyak 80 (IBT) bagi jumlah berasaskan internet bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*; atau
 - B. memperolehi skor minimum band 6.0 atau band mengikut standard program masing-masing bagi *International English Language Testing System (IELTS) (Academic)*.
 - C. skor mengikut standard program masing-masing jika lebih tinggi dari (A) dan (B); atau

- D. bagi mana-mana standard program yang menyatakan skor Test of English as a *Foreign Language (TOEFL)* atau *International English Language Testing System (IELTS) (Academic)* yang lebih rendah daripada skor minimum Universiti, program-program tersebut hendaklah mengikut skor minimum yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- (ii) Kemasukan seseorang calon hendaklah atas budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun dalam keadaan-keadaan tertentu Dekan Fakulti boleh, atas perakuan Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program pascasiswazah dan Ketua Jabatan, menerima masuk seseorang yang memenuhi kelayakan seperti di dalam perkara 5(2)(a).
6. Program pengajian dan syarat kemasukan bagi program **Kedoktoran secara Kerja Kursus Klinikal di Fakulti Pergigian** adalah seperti berikut:
- (1) Program Pengajian
- Program Kedoktoran ini dilakukan melalui kursus (kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik, kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, kerja klinikal, penempatan klinikal, penyelidikan dan penyediaan disertasi) dan menghasilkan sebuah disertasi.
- (2) Syarat Kemasukan
- (a) Syarat kemasukan untuk mengikuti program Kedoktoran secara Kerja Kursus Klinikal di Fakulti Pergigian –[Kaedah 3 (1)] adalah seperti berikut:
- (i) Kelayakan minimum bagi kemasukan ke program pengajian Ijazah Kedoktoran secara Kerja Kursus Klinikal di Fakulti Pergigian kecuali program Doktor Patologi Maksilofasial Mulut dan Perubatan Mulut adalah:
- A. Ijazah Sarjana Muda Pergigian yang bertauliah dan diiktiraf atau ijazah yang setaraf;
- B. Ijazah Sarjana Sains Oral atau kelayakan lain yang setara; dan
- C. mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam bidang pergigian.
- (ii) Kelayakan minimum bagi kemasukan ke program pengajian Doktor Patologi Maksilofasial Mulut dan Perubatan Mulut adalah:
- A. Ijazah Sarjana Muda Pergigian yang bertauliah dan diiktiraf atau ijazah yang setaraf;
- B. Ijazah Sarjana Patologi Mulut Terapan atau kelayakan lain yang setara; dan

- C. mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam bidang pergigian.
- (iii) Pemohon yang mempunyai kelayakan Sarjana selain daripada Universiti hendaklah lulus temuduga dan keperluan lain yang ditetapkan oleh Fakulti dari semasa ke semasa.
- (b) Kelayakan Bahasa Inggeris adalah berdasarkan kategori pemohon seperti berikut:
- (i) Pemohon warganegara yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis disertasinya dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki:
 - A. memperolehi sekurang-kurangnya band 4 bagi *Malaysian University English Test* (MUET); atau
 - B. memperolehi skor minimum sebanyak 550 (PBT) atau skor mengikut standard program masing-masing untuk jumlah berasaskan kertas bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); atau
 - C. memperolehi skor minimum band 6.0 atau band mengikut standard program masing-masing bagi *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*).
 - (ii) Pemohon bukan warganegara yang memperolehi ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis disertasinya dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki seperti berikut:
 - A. memperolehi skor minimum sebanyak 550 (PBT) atau skor mengikut standard program masing-masing untuk jumlah berasaskan kertas bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); atau
 - B. Memperolehi skor minimum band 6.0 atau band mengikut standard program masing-masing bagi *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*).
 - C. skor mengikut standard program masing-masing jika lebih tinggi dari (i) dan (ii).
 - D. bagi mana-mana standard program yang menyatakan skor *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL) atau *International English Language Testing System* (IELTS) (*Academic*) yang lebih rendah daripada skor minimum Universiti, program-program tersebut hendaklah mengikut skor minimum yang telah ditetapkan oleh Universiti.

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH KEDOKTORAN) 2017**

**JADUAL 2
(Kaedah 11)**

TEMPOH MINIMUM DAN TEMPOH MAKSIMUM

1. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Falsafah

Tempoh minimum : 4 semester
Tempoh maksimum : 12 semester

2. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Perubatan

Tempoh minimum : 4 semester
Tempoh maksimum : 10 semester

3. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam

Tempoh minimum : 6 semester
Tempoh maksimum : 12 semester

4. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian

Tempoh minimum : 6 Semester Biasa dan 1 Semester Khas
Tempoh maksimum : 12 Semester Biasa dan 4 Semester Khas

5. Tempoh Pengajian Ijazah Doktor Pengurusan

Tempoh minimum : 6 Semester Biasa
Tempoh maksimum : 12 Semester Biasa

**6. Tempoh Pengajian Ijazah Kedokteran secara Kerja Kursus Klinikal di
Fakulti Pergigian**

Tempoh minimum : 6 Semester Biasa
Tempoh maksimum : 8 Semester Biasa